



GEMBIRA...
penternak
lembu
bersama sijil
masing-masing
yang diterima
daripada Noh,
semalam.

Batal syarikat 'terpesong'

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam proses membatalkan nama beberapa syarikat ternakan yang terbabit dalam projek pertanian moden di Kluang, Johor selepas didapati gagal memanfaatkan kawasan tanah diagihkan seluas 2,000 hektar.

Menterinya, Datuk Seri Noh Omar berkata, tindakan itu terpaksa dilakukan kementeriannya selepas syarikat berkenaan 'terpesong' daripada matlamat asal, selain menjalankan projek pada skala kecil.

"Sekarang ini, kami kementerian) dalam kajian. Tanah itu seluas 5,000 hektar (2,000

hektar) dan sudah diagihkan kepada beberapa syarikat. Ada yang dapat 1,000 ekar (400 hektar), 500 ekar (200 hektar) pun ada...tapi bila saya turun padang, ada tanah tidak digunakan sebagaimana sepertunya.

"Ini merugikan. Merugikan kementerian dan merugikan orang lain. Ketika kami agih kepada syarikat, janjinya macam itulah, nak bela lembu 1,000 ekorlah, bila dapat tanah, bela kampong 300 ekor saja," kata dia.

Beliau berkata demikian sejurus merasmikan Majlis Penyerahan Input Projek Permulaaan (EPP) Ke-13 Kluster Tenusu kepada 212 penter-

nak lembu tenusu di seluruh negara di Dewan Utama, Menara LPP, di sini, semalam.

Program EPP adalah Program Transformasi Ekonomi (ETP) diperkenalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dalam sektor pertanian dengan meletakkan 16 EPP sebagai sasaran.

Pada majlis itu, Noh turut membuka ruang kepada penternak lembu susu mengemukakan soalan dan menjawabnya secara spontan termasuk isu berkaitan harga tenusu, tapak penternakan baru dan syarikat 'anchor'.

Sementara itu, Noh berkata, isu berhubung penga-

gihan tanah berkenaan hanya dapat diselesaikan selepas dibawa ke Kabinet kerana membabitkan soal dasar sekali gus membolehkan pembatalan nama syarikat penternakan dilakukan.

"Kami (kementerian) sedang membuat kajian untuk saya bawa semula ke Kabinet bagi membatalkan mengikut peraturan sedia ada dan agihkan balik tanah kepada mereka yang benar-benar boleh memajukan tanah terbabit.

"Bagaimanapun, saya tidak nafikan daripada 12 syarikat ternakan yang beroperasi di projek pertanian moden itu, ada yang berjaya mencapai sasaran," katanya.